

## Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

YB. Dato' Seri/ YBhg.Dato'/ Tuan/ Puan,

Berikut adalah petikan daripada keputusan hukuman tatatertib yang telah diputuskan oleh **Jawatankuasa Tatatertib Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional FELDA Bil.02/2021 pada 3 Mac 2021** dan **Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan FELDA Bil.1/2021 pada 11 Februari 2021**.

2. Pihak YB. Dato' Seri/ YBhg.Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum bahawa hebahan ini penting bertujuan memberi peringatan kepada semua Petugas FELDA, **kepentingan memperkukuhkan integriti daripada melakukan jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib** di masa akan datang. Keputusan seperti di bawah:

PERKARA	KEPUTUSAN 1	KEPUTUSAN 2	KEPUTUSAN 3	KEPUTUSAN 4
<b>Bidang Kuasa Jawatankuasa Tatatertib</b>	Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)	Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)	Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Sokongan)	Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Sokongan)
<b>Gred/Kumpulan Perjawatan</b>	G41	N41	G19	G29
<b>Kesalahan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Memalsukan tandatangan atas cek JKRR bukan untuk kegunaan peribadi.</li><li>- Menyalahgunakan kenderaan rasmi FELDA untuk tujuan peribadi sehingga mengakibatkan kerosakan pada kenderaan tersebut.</li></ul>	Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah berjumlah <b>9 hari</b> .	Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah berjumlah <b>67 hari</b> .	Dengan sengaja telah membuat bayaran kepada penerima palsu dan bayaran itu tidak diterima oleh penama tersebut.
<b>Peraturan</b>	Peraturan 40(e), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).	Peraturan 40(e), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).	Peraturan 40(g), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).	Peraturan 40(g), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

PERKARA	KEPUTUSAN 1	KEPUTUSAN 2	KEPUTUSAN 3	KEPUTUSAN 4
Hukuman	Turun 3 Pergerakan Gaji dan Surcaj	Turun 3 Pergerakan Gaji	Buang Kerja	Buang Kerja
Tempoh Tidak Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat (Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2009)	36 Bulan	36 Bulan	-	-

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

t.t

**(MOHAMAD FAUZI BIN HUSIN)TPj**

Pengarah Jabatan Integriti

FELDA